

16 MAY 1999

Chua-HIV

AIDS RUGIKAN SUMBER MANUSIA, KATA CHUA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Wabak AIDS membawa kerugian besar kepada sumber manusia sesebuah negara akibat kehilangan pekerja-pekerja yang produktif serta berpengalaman, kata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, hari ini.

Beliau berkata, pada masa yang sama kualiti kerja mereka yang dijangkiti itu akan berkurang apabila kesan penyakit itu semakin teruk dan ini membawa kerugian kepada majikan.

"Mengambil dan melantik semula boleh menjejaskan keuntungan dan kualiti perhidmatan bagi majikan," kata beliau selepas melancarkan Hari Peringatan Aids Antarabangsa Ke 16 (IAMD) 1999 anjuran Majlis AIDS Malaysia, di sini.

Oleh itu secara tidak langsung ia memberi kesan tidak baik kepada ekonomi sesebuah negara dan pada masa yang sama, katanya.

Beliau berkata, bagi sebuah ekonomi untuk berkembang dengan baik dan bagi mengatasi kegawatan ekonomi, tenaga kerja sihat amat diperlukan.

"Kita mesti ingat yang daripada 28,541 orang yang dijangkiti HIV di negara ini, 24,000 daripadanya masih belum sampai ke tahap penyakit AIDS dan pada masa ini mereka nampak sihat," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau sekali lagi menekankan yang masyarakat dan kerajaan perlu bekerjasama untuk mempertingkatkan kehidupan mereka yang dijangkiti HIV/AIDS dan untuk mengawal penyakit itu daripada merebak.

"Kita perlu bertindak terhadap kes-kes diskriminasi yang kita dengar, mungkin menjadikannya sebagai pengetahuan umum akan mengurangkan kes-kes di masa depan," dan beliau menambah kata adalah tidak memadai sekadar melaporkan sahaja tanpa tindakan untuk mengatasi diskriminasi.

Sebelum itu, Presiden Majlis Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir berkata, dianggarkan satu daripada 200 penduduk dewasa di Malaysia kini dijangkiti HIV.

Beliau berkata menjelang tahun 2000, bilangan itu dijangka menjadi tiga orang dalam setiap 200 penduduk dewasa di Malaysia.

Beliau berkata, tema Hari Peringatan Aids tahun ini ialah "Membina Perpaduan Global Mengatasi Ketidakadilan dan Rasa Khuatir bagi Sebuah Dunia Dengan Aids Kita" yang menggariskan pelbagai aspek wabak itu yang perlu ditangani.

Satu daripadanya, kata Marina, ialah diskriminasi, aib, pencabulan hak mereka yang dijangkiti HIV/AIDS dan perlakuan-perlakuan tidak adil terhadap kehidupan orang-orang ini.

Perkara paling penting ialah perlunya kerajaan, sektor perniagaan dan masyarakat bekerjasama dan memastikan dasar-dasar serta program-program berkaitan diwujudkan bagi mereka yang dijangkiti dan keluarga masing-masing untuk menyediakan peluang untuk terus hidup tanpa aib atau diskriminasi, katanya.

Di majlis itu, Hugin Thomas, lelaki yang dijangkiti virus HIV lapan tahun lepas tampil untuk menyatakan bagaimana beliau mendapat jangkitan itu dan cabaran yang beliau terpaksa hadapi selama ini.

IAMD '99 ialah acara dengan keluarga dan rakan-rakan memberi penghormatan kepada mereka yang meninggal dunia kerana AIDS, dan menunjukkan sokongan kepada mereka yang hidup dengan HIV/AIDS.

-- BERNAMA

NZ PR